

17/03/1997

NUTP sokong teguran Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Kesatuan Profesion Perguruan Kebangsaan (NUTP) dan seorang pemikir menyifatkan teguran Perdana Menteri mengenai sikap sesetengah guru yang tidak memberi pengajaran menyeluruh kepada murid, adalah baik.

Setiausaha Agung NUTP, N Siva Subramaniam, berkata guru seharusnya mendidik murid dengan pendidikan moral dan keagamaan kerana kini guru lebih rapat dengan mereka berbanding ibu bapa yang bekerja.

"Guru hendaklah menjaga kebajikan murid dan mempunyai perhubungan lebih baik dengan mereka supaya dapat menyemai nilai murni kepada mereka," katanya mengulas teguran Perdana Menteri ketika dihubungi, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata guru terbabit hanya menumpukan perhatian mengajar mata pelajaran yang ditugaskan kepada mereka.

Menurutnya, gejala sosial yang melanda masyarakat bukan disebabkan kelemahan sistem pendidikan sebaliknya sikap negatif anggota masyarakat termasuk guru bagi menangani masalah itu.

Siva berkata, bagaimanapun, guru kini dibebankan dengan pelbagai tugas pentadbiran dan perkeranian yang menyulitkan mereka memberi tumpuan penuh untuk mendidik.

"Mereka juga terpaksa menghadiri mesyuarat dan kursus pada waktu persekolahan menyebabkan murid terabai.

"Kita menerima laporan di sebuah sekolah di Perak, guru terpaksa menghadiri 25 mesyuarat dalam masa 30 hari," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata Kementerian Pendidikan perlu mengkaji kaedah dan latihan yang sesuai supaya guru boleh mendidik dengan berkesan.

"Guru seharusnya bersikap mendidik murid dengan penekanan kepada moral dan agama walaupun mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik yang umumnya tidak dianggap pelajaran agama," katanya.

(END)